

09 AUG 1996

Mahathir-Penghargaan (Bergambar)

PELUANG UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang ingin melahirkan penghargaan mereka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sumbangan dan jasa baktinya selama genap 15 tahun menerajui pentadbiran negara boleh berbuat demikian dengan menghubungi sebuah sekretariat di Menara Lion, di sini.

Mereka yang berhasrat menyuarkan rasa hati dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri boleh berbuat demikian sama ada dalam bentuk surat, poskad, faksimili, rakaman suara dan menerusi E-Mail.

Sekretariat Ucapan Terima Kasih Kepada Perdana Menteri yang ditubuhkan 16 Julai lepas itu dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara, Kelab Cinta Malaysia, Kumpulan Lion Berhad dan Servcorp Sdn Bhd, dan akan beroperasi sehingga 31 Ogos.

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Zainul Ariff Haji Hussain semasa merasmikan sekretariat itu hari ini, berkata program berkenaan merupakan satu usaha untuk mengumpulkan luahan hati ucapan penghargaan setiap lapisan individu dengan penyertaan rakyat Malaysia pelbagai kaum terhadap Dr Mahathir.

Pada majlis itu, Zainul Ariff menerima kain rentang, kad ucapan, poster dan nukilan puisi daripada Pengetua Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad Bukit Kuda, Klang; poster yang mengandungi sajak oleh Encik Abdullah Amin dan satu pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa daripada Kapten (B) Hamid Awang.

"Apa yang penting dalam program ini ialah tanda penghargaan dan penyertaan rakyat Malaysia ke arah pengwujudan bangsa Malaysia selain mengumpulkan bahan yang satu ketika nanti akan menjadi bahan sejarah," katanya.

Beliau berkata segala ucapan dan bahan-bahan akan dijilidkan dan diserahkan kepada Dr Mahathir selain satu pameran yang akan diadakan mengenainya pada satu masa yang akan ditetapkan kelak.

Sehingga ini kira-kira 20,000 ucapan dalam pelbagai bentuk seperti kad, surat individu, poskad, faksimili, poster, papan iklan dan pemedang daripada individu, pertubuhan, persatuan, syarikat, kedutaan, sekolah dan institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara diterima oleh sekretariat.

Ucapan disampaikan dalam bentuk sajak, puisi, luahan rasa hati dan sebagainya serta surat bertulisan tangan dan lukisan daripada kanak-kanak berumur empat tahun hingga dewasa.

Orang ramai yang ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan itu boleh berbuat demikian melalui:

+ Nombor Faks: 03-296272

+ E-Mail Code: KCM @ KCM.JARING.MY

+ TeleUcapan Rakyat: 03-6513155 (60 talian)

+ Sekretariat Ucapan Terima Kasih Kepada Perdana Menteri, Ruang Legar/Tingkat 36, Menara Lion, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. (No. Tel: 03-2696256)

-- BERNAMA

HS NMO